



## KENYATAAN MEDIA

YB SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

### BERKENAAN

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA DENGAN INTERNATIONAL ISLAMIC  
UNIVERSITY MALAYSIA DAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BERTEMPAT DI DEWAN ARAS 2, BLOK B, JAKIM  
KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA  
PADA 23 MEI 2017

---

Sukacita dimaklumkan bahawa Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan International Islamic University Malaysia (IIUM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Memorandum persefahaman yang baru selesai ditandatangani ini adalah melibatkan program pengajian **Pensijilan Tahfiz Al-Quran** antara Darul Quran dengan IIUM dan Darul Quran dengan UTeM dalam usaha kerajaan untuk melahirkan golongan huffaz profesional.

2. Cadangan untuk mewujudkan **Program Huffaz Profesional** ini lahir dalam **Muzakarah Masa Depan Darul Quran** yang dianjurkan oleh Jakim di Awana Golf & Country Resort, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur pada 21-22 Februari 2000.

3. Ketika itu, **YBhg. Prof. Dato' Dr. Sidek Baba** selaku Ahli Lembaga Darul Quran dan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Disiplin) IIUM telah **membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk "Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran"**.

4. Beliau telah mencadangkan supaya Darul Quran Jakim bukan sahaja memainkan peranan untuk melahirkan hafiz dan hafizah yang layak untuk menjadi imam, guru-guru

---

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan  
Darul Quran Jakim  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

agama, malah **layak untuk menjadi ahli Sains dan ahli-ahli profesional yang lain.** Penumpuan pemilihan pelajar bagi program ini adalah kepada **pelajar aliran Sains** yang mencapai keputusan cemerlang berdasarkan keputusan **peperiksaan percubaan SPM.**

5. Oleh itu pada **19 Jun 2000**, seramai **7 orang pelajar lepasan Matrikulasi IIUM** iaitu 2 lelaki dan 5 perempuan telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian di dalam Program Pensijilan Tahfiz al-Quran Jakim-IIUM di Darul Quran Kuala Kubu Bharu. Selepas tamat pengajian di Darul Quran mereka akan mengikuti pengajian di Pusat Asasi IIUM.

6. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran yang sedang dijalankan di Darul Quran Jakim terbahagi kepada 2 model:

i. **Model 1** = pengajian (Pensijilan Tahfiz Al-Quran) dijalankan hingga **selesai khatam al-Quran 30 juzu' terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam program profesional.**

- Contoh model ini = Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-IIUM.**
- Jumlah **graduan** (dari tahun 2000-2016) = **1,416 orang.**

ii. **Model 2** = pengajian (Pensijilan Tahfiz Al-Quran) dijalankan **serentak dengan program profesional.**

- Contoh model ini:

= Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-UNITEN** (*bidang kejuruteraan*);

= Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-CUCMS** (*bidang kedoktoran*);

= Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-UTeM** (*bidang Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer, Kejuruteraan Pembuatan dan bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi*); dan

= Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran **Jakim-Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah** (*bidang Pengurusan Perniagaan*).

- Jumlah **graduan** (dari tahun 2011-2016) = **97 orang (Jakim-UNITEN)**.
  - Graduan dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selain IIUM dan UNITEN masih belum ada kerana baru dijalankan.
7. Ketika ini, program Pensijilan Tahfiz Al-Quran ini telah berjaya melahirkan golongan profesional huffaz seperti **jurutera yang hafiz, doktor yang hafiz, ahli farmasi yang hafiz, jurutera aeroangkasa yang hafiz** dan lain-lain lagi.
8. Semoga melalui hubungan antara Darul Quran Jakim dan IIUM serta UteM yang dizahirkan melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman ini diharapkan dapat memantapkan serta mengembangkan lagi pendidikan tahfiz dalam negara.
9. Sebagai sebuah institusi pendidikan tahfiz yang terulung di bawah kerajaan persekutuan, **Darul Quran Jakim sentiasa membuka ruang** untuk mana-mana pihak bekerjasama ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di negara ini.

Sekian

SENATOR DATO' DR ASYRAF WAJDI BIN DATO' DUSUKI  
23 Mei 2017